



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/B/0059
Tarikh : 24 April 2014

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 7 TAHUN 2014**

**KEGAGALAN MENCAPAI MINIMA TUJUH (7) HARI BERKURSUS SETAHUN
TIDAK LAYAK DIPERTIMBANG ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kenyataan UPSM Bilangan 29 Tahun 2013 bertarikh 30 Oktober 2013 telah memaklumkan supaya semua warga LGM mengambil perhatian dan tindakan untuk memenuhi sasaran tujuh (7) hari setahun berkursus. Kegagalan berbuat demikian akan memberi kesan kepada Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT).

3. Y Bhg Datuk Ketua Pengarah semasa sesi perjumpaan dengan warga LGM pada 18 Mac 2014 (Sungai Buloh), 4 April 2014 (BGA) dan 18 April 2014 (Pejabat 260, Jalan Ampang) telah memberi maklum bahawa anggota yang tidak dapat melengkapkan 7 hari kursus setahun **tidak layak** dipertimbang untuk **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** bagi tahun penilaian berkenaan.

4. Justeru, semua warga LGM digesa mengambil perhatian dalam perkara ini dan berusaha untuk memenuhi sasaran hari berkursus seperti yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"

(SHAHRIK BIN MOHD SALLEH)

s.k. : YBhg. Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (P&I)
Timbalan Ketua Pengarah (D&O)
Pengarah-Pengarah Bahagian